



**JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA**  
**ARAHAN PEGAWAI PENERIMA BIL. 5 / 2023**

Timbalan Pegawai Penerima  
Penolong Kanan Pegawai Penerima  
Penolong Pegawai Penerima

**PENGENDALIAN DAN KAEDAH UNTUK PENYELESAIAN DAN PENUTUPAN  
KES-KES PENGGULUNGAN SYARIKAT, PERTUBUHAN ATAU KESATUAN  
SEKERJA YANG DIBATALKAN PENDAFTARANNYA YANG “DORMANT”  
TETAPI BERSTATUS AKTIF DAN FAIL FIZIKAL YANG GAGAL DIKESAN.**

**TUJUAN**

1. Arah ini bertujuan untuk memastikan segala langkah-langkah yang perlu diambil dalam mengendalikan kes-kes penggulungan syarikat, pertubuhan atau kesatuan sekerja yang dibatalkan pendaftarannya yang “dormant” dan fail fizikal yang gagal dikesan bagi tujuan penyelesaian dan penutupan kes.
2. Arah ini juga adalah selaras dengan penetapan Dasar Jabatan berkenaan kaedah-kaedah penutupan fail tahun 1950an, 1960an, 1970an dan 1980an yang masih aktif dan termasuk juga fail fizikal gagal dikesan.

**LATAR BELAKANG**

3. Berdasarkan semakan rekod pendaftaran kes-kes penggulungan syarikat, terdapat kes-kes penggulungan syarikat, pertubuhan atau kesatuan sekerja yang dibatalkan pendaftarannya yang “Dormant” tetapi masih berstatus aktif.

4. Maksud ‘*Dormant*’ dalam konteks Arahan ini adalah merujuk kepada ;
- (a) kes-kes penggulungan syarikat yang tidak aktif yang mana tiada aktiviti mesyuarat pembiutang dan penyumbang;
  - (b) tiada sebarang transaksi bayaran dividen kepada pembiutang;
  - (c) tiada aktiviti pindah milik harta tanah, tiada aset atau harta yang dikesan;
  - (d) tiada aktiviti penghasilan atau penjualan harta, tiada baki kredit dalam estet penggulungan; dan
  - (e) status dalam data sistem INSIST ialah digulungkan (*Wound-Up*) manakala pembatalan pertubuhan atau kesatuan sekerja dalam sistem INSIST masih berstatus “*Deregistered*”.

5. Sehubungan itu, bagi kes-kes yang sedemikian adalah sesuai untuk diselesaikan dan ditutup sewajarnya.

## **LANGKAH-LANGKAH YANG PERLU DIAMBIL**

6. Langkah-langkah seperti berikut perlu diambil berdasarkan keadaan setiap kes sebelum suatu tindakan diambil untuk penutupan kes.

### **A. KEADAAN 1**

- (a) Baki lejar RM0.00 atau masih ada baki;
- (b) Berdasarkan rekod manual cawangan, terdapat kes yang telah mendapat Perintah Pembubaran dan Pelepasan Penyelesai namun rekod dalam sistem INSIST berstatus “*Wound Up*”;
- (c) Manakala bagi kes pertubuhan atau kesatuan sekerja yang dibatalkan pendaftarannya, terdapat kes yang telah selesai dan ditutup namun status kes INSIST masih “*Deregistered*”;
- (d) Fail tidak dapat dikesan.

## **TINDAKAN**

- (i) Mengemaskini status syarikat kepada bubar (*Dissolved*) berdasarkan rekod manual yang disimpan oleh cawangan;
- (ii) Bagi pembatalan pertubuhan atau kesatuan sekerja, mengemaskini status kepada tutup (*Closed*) atau (*Not-Deregistered*) berdasarkan rekod manual yang disimpan oleh cawangan;
- (iii) Alternatifnya, membuat carian rekod di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk menyemak status syarikat sebagai rujukan silang (*Cross-Refer*);
- (iv) Alternatifnya, boleh merujuk kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia bagi pembatalan pertubuhan atau Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja bagi Kesatuan Sekerja sebagai rujukan silang (*Cross-Refer*) bagi semakan dokumen sekiranya fail fizikal tidak dijumpai;
- (v) Sekiranya terdapat baki lejar yang masih tidak boleh dibahagikan (setelah memastikan baki tersebut bukan untuk bayaran dividen, lebihan kepada penyumbang atau kos/fi penyelesai atau ahli-ahli Pertubuhan/ Kesatuan Sekerja) dikreditkan ke dalam Akaun Wang Tak Dituntut (WTD);
- (vi) Membuat tindakan pelupusan rekod setelah fail dijumpai (Sila rujuk Arahan KPI Bil. 14/2015).

## **B. KEADAAN 2**

- (a) Baki lejar RM0.00 atau masih ada baki;
- (b) Status dalam INSIST ‘wound up’;
- (c) Tiada rekod manual cawangan sama ada syarikat telah mendapat Perintah Pembubaran dan Pelepasan Penyelesai;
- (d) Fail tidak dapat dikesan;
- (e) Membuat carian rekod di SSM untuk menyemak status syarikat.

## TINDAKAN

- (i) Bagi kes yang masih ada baki kredit dalam estet, failkan permohonan ke mahkamah di bawah seksyen 237 (3) Akta Syarikat 1965 [Akta 125] / seksyen 487 (3) Akta Syarikat 2016 dan seksyen 239 (d) Akta Syarikat 1965 / seksyen 490 Akta Syarikat 2016 [Akta 777] untuk suatu arahan mahkamah bagi suatu perintah pembubaran dan penyelesai dilepaskan atas alasan:
- 1) Pentadbiran kes yang terlalu lama yang telah melebihi 10 tahun;
  - 2) Tiada maklumat atau rekod atau dokumen untuk dirujuk;
  - 3) Memohon suatu perintah mahkamah untuk kes dibubarkan dan penyelesai dilepaskan daripada segala liabiliti untuk mentadbir hal ehwal penggulungan syarikat berkenaan;
  - 4) Alternatif lain adalah membuat suatu notis pengiklanan di surat khabar (satu akhbar tempatan) memaklumkan niat Penyelesai untuk membubarkan syarikat yang digulungkan dan penyelesai dilepaskan;
  - 5) Notis pengiklanan ini boleh dimasukkan dalam permohonan ke mahkamah sebagai suatu justifikasi tujuan pembubaran dan pelepasan penyelesai; Sekiranya baki estet tidak mencukupi atau berbaki negatif atau RM0.00, cawangan boleh memohon peruntukan tambahan daripada Ibu Pejabat. (Bahagian Likuidasi akan memohon peruntukan Belanja Mengurus bagi tujuan penutupan kes sekiranya baki estet tidak mencukupi atau berbaki negatif).

### C. KEADAAN 3

- (a) Terdapat baki lejar dalam estet;
- (b) Status kes ‘Wound Up’ dan kes masih aktif;
- (c) Fail fizikal ada.

### TINDAKAN

- (i) Teruskan dengan perakuan Borang Bukti Hutang;
- (ii) Membuat pengisytiharan dan pembayaran dividen kepada pemiutang yang telah diperakukan tuntutannya;
- (iii) Jika ada lebihan setelah bayaran dividen dibuat termasuk kos/fi Penyelesai, mengagihkan lebihan kepada penyumbang syarikat berdasarkan pegangan nilai syer masing-masing;
- (iv) Jika terdapat lebihan (setelah bayaran dividen dibuat termasuk kos/fi Penyelesai, mengagihkan lebihan kepada penyumbang syarikat) tetapi sekiranya tidak boleh dibahagikan kerana jumlah pegangan syer penyumbang yang lebih besar, lebihan tersebut dikreditkan ke dalam Akaun Wang Tidak Boleh Dibahagikan (WTBD);
- (v) Menfaikan permohonan ke mahkamah di bawah seksyen 239 (d) Akta Syarikat 1965/ seksyen 490 Akta Syarikat 2016 untuk suatu arahan mahkamah bagi suatu perintah pembubaran dan penyelesai dilepaskan;
- (vi) Sekiranya **tiada** fail fizikal walaupun pelbagai usaha telah dibuat untuk mendapatkan salinan pendua maklumat dan dokumen kes, faikan permohonan ke mahkamah di bawah seksyen 237 (3) Akta Syarikat 1965 / seksyen 487 (3) Akta Syarikat 2016 dan seksyen 239 (d) Akta Syarikat 1965/ seksyen 490 Akta Syarikat 2016 termasuk pengecualian di bawah Kaedah 149 Kaedah-Kaedah Penggulungan Syarikat 1972 bagi suatu arahan

mahkamah untuk suatu perintah pembubaran dan penyelesai dilepaskan dikeluarkan atas alasan berikut:

- 1) Pentadbiran kes yang terlalu lama yang telah melebihi 10 tahun;
- 2) Tiada maklumat atau rekod atau dokumen untuk dirujuk;
- 3) Memohon suatu perintah mahkamah, kes dibubarkan dan penyelesai dilepaskan daripada segala liabiliti untuk mentadbir hal ehwal penggulungan syarikat berkenaan;
- 4) Membuat suatu notis pengiklanan di surat khabar (surat akhbar tempatan) memaklumkan niat Penyelesai untuk membubarkan syarikat yang digulungkan dan penyelesai dilepaskan; dan
- 5) Lain-lain alasan yang difikirkan wajar.

#### **D. KEADAAN 4**

- (a) Kes Pembatalan Pertubuhan atau Kesatuan Sekerja yang masih ada baki;
- (b) Status masih “*Deregistered*”;
- (c) Fail fizikal ada.

#### **TINDAKAN**

- (i) Sekiranya kes Pertubuhan atau Kesatuan Sekerja yang dibatalkan pendaftarannya telah memperolehi Perintah Peletakhakkan (*Vesting Order*) kepada Pertubuhan atau Kesatuan Sekerja yang baru, mengambil tindakan menyerahkan baki kepada pertubuhan baru tersebut dan setelah itu mengambil tindakan penutupan fail;


- (ii) Sekiranya tidak mendapat maklum balas daripada Pemegang Jawatan Pertubuhan atau Kesatuan Sekerja (PPJ) berkenaan Perintah Peletakhakkan (*Vesting Order*) atau jika PPJ tidak hadir selepas 2 kali notis panggilan dikeluarkan dan tiada maklumat mengenai aset maka tindakan penutupan fail boleh difaiklan;
- (iii) Menghantar surat kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia dan Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja memaklumkan penutupan fail;
- (iv) Mengambil tindakan pengosongan akaun setelah baki dikreditkan ke dalam Akaun Wang Yang Tidak Dituntut (WTD) atau Wang Yang Tidak Boleh Dibahagikan (WTBD) dan memastikan semua kos dan perbelanjaan diselesaikan;
- (v) Kemaskini status ke dalam sistem INSIST.

#### **PEMBATALAN**

7. Arahan Jabatan No. 3/1982 bertarikh 29 November 1982 dibatalkan.

#### **KUAT KUASA**

8. Arahan ini berkuat kuasa pada 16 Oktober 2023.

  
**M. BAKRI BIN ABD MAJID**  
Pegawai Penerima

